

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 JUNE 2016

Tiada kelibat tiga serangkai, Dr. Mahathir bersendirian?

um-13/6/2016

SABAK BERNAM 12 Jun - Sepatutnya kempen sulung Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu 'melanggar' Barisan Nasional (BN) dalam dua pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar bermula 'garang'.

Namun kelihatannya tidak begitu apabila kemunculannya di Sekinchan semalam dan Kuala Kangsar hari ini hanya bersendirian.

Bekas Perdana Menteri itu tidak diiringi atau ditemani tiga penyokong kuatnya, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menjalani tempoh penggantungan dalam UMNO, anaknya, Datuk Seri Mukhriz dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie

Apdal.

Dikhabarkan dua ceramah Dr. Mahathir di Kuala Kangsar, iaitu pertama sebelah pagi di sebuah restoran Cina, Taman Suria dan tengah hari di Taman Chandon Putri (sasaran pengundi Melayu), tiada kelibat tiga orang ini.

Yang akrab sangat dan sentiasa ada di sisi beliau dengan saling mengangkat tangan satu sama lain di Sekinchan dan Kuala Kangsar hanyalah Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan pemimpin pakatan pembangkang.

Apa sudah jadi? Adakah Muhyiddin mula menjauhkan diri setelah melihat keakraban Dr. Mahathir yang keterlaluan dengan pembangkang? Mengapa pula Mukhriz sanggup membiar-

kan bapanya berseorangan melancarkan kebencian yang teramat terhadap kerajaan?

Dalam pada itu, Mohd. Shafie yang dianggap sekutu kuat Muhyiddin dan Dr. Mahathir kelihatan positif pendirian politiknya.

Pada hari penamaan calon di Sungai Besar 4 Jun lalu, bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu muncul di Sungai Besar dan menjerikan kem BN di situ.

"Saya nak masuk (ke pusat penamaan calon Dewan Seri Bernam, Sabak Bernam) tapi tidak ada pas, cukuplah jumpa di luar ini," alasan Ketua UMNO Bahagian Semporna itu yang dianggap jurukempen BN pada hari berkenaan sebagai begitu berhemah.



MAHATHIR MOHAMAD mengangkat tangan **Lim Kit Siang** dan calon PAN PRK Parlimen Sungai Besar, **Azhar Abdul Shukur** (kanan) semasa ceramah parti PAN di Pekan Sekinchan, kelmarin.